

## KEMPEN PEROLEHAN DIGITAL KAD KREDIT HONG LEONG

### TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Digital III” (“Kempen”) Hong Leong Bank ('HLB') akan bermula pada 13 Oktober 2017 dan berakhir pada 12 November 2017, kedua-dua tarikh termasuk (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

### TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah Terma dan Syarat yang ditetapkan untuk Kempen ini (“T&S”)

### KELAYAKAN

1. “Pemegang Kad yang layak” merujuk kepada individu yang telah mencapai umur dua puluh satu (21) dan:
  - a) tidak mempunyai kad kredit Hong Leong Bank ("HLB") yang sedia ada (termasuk Mach) ("Kad Kredit HLB", mana-mana satu "Kad Kredit HLB") sebagai prinsipal; dan
  - b) jika berkenaan, permohonan semula untuk mana-mana Kad Kredit HLB beliau adalah:
    - i) memohon ketika Tempoh Kempen; dan
    - ii) permohonan Kad Kredit HLB yang sebelum ini telah diluluskan oleh pihak HLB tidak lebih daripada dua belas (12) bulan berturut-turut dari tarikh permohonan dibuat, dan
  - c) bukan pekerja dari:
    - i) HLB atau Hong Leong Islamic Bank Bhd (HLISB) (Sama ada pekerja tetap atau secara kontrak); atau
    - ii) ahli keluarga terdekat (iaitu suami, anak, ibu bapa, saudara atau adik-beradik) pekerja sedemikian; atau

mana-mana wakil atau ejen HLB/HLISB (termasuk juruaudit luar, penjual, pembekal dan ejen pengiklanan (setiap satu “Pemegang Kad yang layak”).

2. Kelayakan Pemegang Kad yang layak akan dibatalkan jika telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/HLISB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh salah satu bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas kewujudan Kempen ini.

### MEKANISMA

3. Pemegang Kad yang layak:
  - a) yang berjaya menghantar permohonan kad kredit dalam talian (“Permohonan”) melalui [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“Laman Web HLB”) untuk menjadi pemegang kad utama baru sekurang-kurangnya **DUA** kad kredit yang menyertai seperti yang dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan di bawah (“Kad Kredit Penyertaan”); dan

**Kad Kredit Penyertaan**

- Hong Leong "Infinite"
- "Platinum Business"
- Sutera Platinum ("Visa")
- Sutera Platinum ("MasterCard")
- "WISE Platinum"
- "The Store Platinum"/"Gold"
- "Pacific Platinum"/"Gold"
- "WISE Gold"
- "Essential"
- "Fortune"
- "Visa Gold"
- "MasterCard Gold"
- "GSC Platinum"/"Gold"
- "I'M"

- b) permohonan untuk Kad Kredit Penyertaan yang telah diluluskan oleh HLB dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh penyerahan Permohonan ("Tarikh Kelulusan"), akan layak untuk menerima (i) **Pengecualian Setahun Yuran Tahunan** (seperti yang ditakrifkan dalam klaus 4 di bawah) dan (ii) **Hadiah Kelulusan** (seperti yang ditakrifkan dalam klaus 5 di bawah) tertakluk kepada pemenuhan kriteria yang dinyatakan berikut.

**4. Pengecualian Setahun Yuran Tahunan**

- a) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan sekurang-kurangnya SATU (1) Pembelian Runcit (seperti yang ditakrifkan dalam klaus 6 di bawah) dengan menggunakan Kad Kredit Penyertaan yang diluluskan dan dikeluarkan semasa Kempen ini tanpa mengira jumlah transaksi dalam Empat Puluh Lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Kredit Penyertaan, layak untuk mendapat Pengecualian Setahun Yuran Tahunan bagi setiap Kad Kredit Penyertaan yang diluluskan untuk melakukan Pembelian Runcit. Pelepasan yuran tahunan tahun berikutnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian yuran tahunan yang sedia ada. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ke halaman produk masing-masing pada Laman Web HLB.
- b) Untuk mengelakkan keraguan, untuk Pemegang Kad yang layak akan mendapat Pengecualian Setahun Yuran Tahunan untuk semua Kad Kredit Penyertaan yang dilulus dan dikeluarkan di bawah Kempen ini, Pemegang Kad yang layak mesti melakukan sekurang-kurangnya SATU (1) Pembelian Runcit dengan menggunakan Kad Kredit Penyertaan yang diluluskan.

**5. Hadiah Kelulusan**

- (a) Di samping itu, Pemegang Kad yang layak melakukan Pembelian Runcit minimum terkumpul (seperti yang ditakrifkan dalam klaus 6 di bawah) dengan menggunakan Kad Kredit Penyertaan yang telah dilulus dan dikeluarkan semasa Kempen ini dalam tempoh **ENAM PULUH (60) hari** dari tarikh kelulusan Kad Kredit Penyertaan layak untuk mendapat hadiah berikut:
- (i) **SATU (1)** unit "Pensonic Tower Fan" ("Hadiah 1") untuk Pemegang Kad yang layak yang melakukan Pembelian Runcit minimum yang terkumpul sebanyak RM2,000 ; atau

(ii) **SATU (1)** unit "Pensonic Thermopot Eco" ("Hadiah 2") untuk Pemegang Kad yang layak yang melakukan Pembelian Runcit minimum terkumpul sebanyak RM1,000, Hadiah 1 dan Hadiah 2 dirujuk sebagai "**Hadiah**" secara kolektif. Pemegang Kad yang layak yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausus 5 (a) di atas akan dirujuk sebagai ("Pemegang Kad yang berjaya").

<b>Hadiah</b>	<b>Pemegang Kad yang berjaya</b>	<b>Pembelian Runcit Minimum yang terkumpul</b>	<b>Unit Terhad</b>
Hadiah 1 – "Pensonic Tower Fan"	50 Pemegang Kad yang layak	RM2,000	50
Hadiah 2 - "Pensonic Thermopot Eco"	100 Pemegang Kad yang layak	RM1,000	100

- (b) Untuk mengelakkan keraguan, Hadiah tersebut akan diperuntuk berdasarkan siapa cepat, dia dapat, tertakluk kepada satu (1) Hadiah untuk setiap Pemegang Kad yang berjaya sepanjang Tempoh Kempen tidak kira bilangan Permohonan yang dihantar dan bilangan Kad Kredit Penyertaannya yang dilulus semasa Tempoh Kempennya, tertakluk kepada ketersediaan Unit Terhad Hadiah (seperti yang ditakrifkan dalam klausus 5 (a) di atas).
  - (c) Pemegang Kad yang berjaya akan dimaklumkan oleh HLB dengan menyiarkan senarai Pemegang Kad yang berjaya di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB) **pada 31 Mac 2018** ("**Pemberitahuan**"). Nama Pemegang Kad yang layak yang tiada dalam senarai Pemegang Kad yang berjaya dianggap **TIDAK** berjaya untuk mendapatkan Hadiah.
  - (d) Hadiah akan dihantar kepada alamat bil Pemegang Kad yang berjaya di antara empat (4) hingga enam (6) minggu dari 31 Mac 2018. Pemegang Kad yang berjaya yang tidak menerima Hadiah dalam masa enam (6) minggu dari 31 Mac 2018 diminta menghubungi HLB Talian Bantuan Pelanggan sebelum 12 Mei 2018, jika tidak akan dianggap Hadiah telah dilucut dan sewajarnya. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Hadiah yang tidak dituntut atau kelewatan yang disebabkan oleh Pemegang Kad yang berjaya. HLB tidak akan melayan sebarang tuntutan atas tanpa penerimaan Hadiah oleh Pemegang Kad yang berjaya selepas tamat tempoh enam (6) minggu dari 31 Mac 2018.
  - (e) Ia adalah tanggungjawab bagi setiap Pemegang Kad yang berjaya untuk memberikan alamat bil yang tepat dan terkini kepada HLB. Pihak HLB tidak akan bertanggungjawab / dipertanggungjawabkan sekiranya tidak dapat menyerahkan / menghantar Hadiah kepada Pemegang Kad yang berjaya, atas apa jua sebab.
  - (f) Pemenuhan dan penyerahan Hadiah akan disedia dan disokong oleh penyedia perkhidmatan dan pemenuhan HLB yang sah, PCM Perfect Marketing Sdn Bhd ("PCM"), yang boleh dihubungi di 03-6280 1212 atau melalui Talian Bantuan Pelanggan: 1300-80- 0133 (dari 9.00 pagi hingga 5.30 petang, setiap Isnin hingga Jumaat). Sebarang permintaan untuk menghantarkan Hadiah ke alamat alternatif selain daripada alamat bil Pemegang Kad yang berjaya tidak akan dilayan.
6. "Pembelian Runcit" merujuk kepada urus niaga pembelian runcit / gedung yang berjaya dikenakan kepada Kad Kredit Penyertaan yang diluluskan tetapi **TIDAK TERMASUK** sebarang transaksi berikut:
- a) Pengeluaran tunai dari mana-mana "Automated Teller Machine" ("ATM");
  - b) Produk Portfolio seperti Pemindahan Baki, "Call-For-Cash", "Call-For-Cash Plus" dan Pelan Bayaran Flexi;

- c) Pembalikan, bayaran balik dan transaksi penipuan; dan/ atau
- d) Caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan.

### **UMUM**

- 7. Kempen ini tidak terpakai bersamaan dengan mana-mana promosi kad kredit HLB yang sedang dijalankan kecuali dimaklumkan sebaliknya.
- 8. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang layak:
  - a. bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di sini;
  - b. bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang direkod oleh sistem HLB dalam Tempoh Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - c. bersetuju bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad yang layak dan sebarang rayuan dan / atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
  - d. bersetuju bahawa sebarang pembalikan urusniaga akan dikecualikan;
  - e. bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau jenis lain;
  - f. bersetuju untuk melayari ke [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (Laman Web HLB) dari semasa ke semasa untuk menyemak terma & syarat dan untuk memastikan maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan kepada terma & syarat; dan
  - g. bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada PCM dan / atau penyedia lain yang berkaitan untuk tujuan pemenuhan Kempen ini; dan
  - h. bersetuju dengan penerbitan atau paparan nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk bertutup) dan / atau foto mereka dalam media, pemasaran, pengiklanan atau Laman Web HLB untuk tujuan Kempen.
- 9. HLB berhak untuk:
  - a. menolak budi bicara tunggal dan mutlaknya atas permohonan kad kredit yang dihantar;
  - b. membatalkan kelayakan Pemegang Kad yang layak atas budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk menyertai Kempen ini;
  - c. melucutkan Hadiah sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada terma dan syarat di sini;
  - d. mengantikan mana-mana satu atau semua Hadiah dengan barang lain yang sama nilai pada budi bicara mutlak HLB; dan
  - e. menambah, memadam atau membetulkan terma & syarat ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, mengikut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB, atau dalam apa-apa cara lain yang HLB dianggap praktikal, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad yang layak pada Kempen ini mengenai tambahan, pemotongan atau pindaan kepada terma dan syarat atau penamatan Kempen ini.
- 10. Apa jua permintaan untuk menghantar dan / atau memindahkan Hadiah kepada pihak ketiga tidak akan dilayan.
- 11. Gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak

boleh menggambarkan warna, model atau spesifikasi Hadiah yang sebenarnya dan tidak termasuk aksesori tambahan.

12. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, American Express, pertubuhan saudagar, pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad yang layak disingkirkan daripada Kempen ini.
13. Akaun Pemegang Kad yang layak mestilah sah / aktif, dalam keadaan yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini dan / atau Pemegang Kad Perjanjian pada masa Hadiah dianugerahkan.
14. Terma dan syarat di sini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
15. Sebagai tambahan kepada terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad yang layak bersetuju bahawa terma dan syarat dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum di dalam Pemegang Kad Perjanjian HLB. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Umum di dalam Pemegang Kad Perjanjian HLB itu, khususnya terma dan syarat di dalam ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
16. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat terakhir di Laman Web HLB akan diguna pakai.